

28 FEB 1997

CHAVALIT BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Thai Jen Chavalit Yongchaiyudh berlepas pulang hari ini selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Malaysia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berada di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Chavalit dan isteri, Phankrua.

Yang turut berada di lapangan terbang ialah Duta Thai ke Malaysia Suchitra Hiranprueck dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob yang juga menteri pengiring dan beberapa pegawai.

Pesawat Perdana Menteri Thai itu berlepas pada pukul 6.15 petang.

Sebelum itu beliau memberikan ceramah mengenai peluang ekonomi di Thailand pada satu majlis anjuran Kumpulan New Straits Times di sini.

Semalam Chavalit mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyentuh isu-isu berkaitan sempadan bersama, pengangkutan dan perdagangan dua hala.

Beliau juga menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara.

Dr Mahathir dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meraikan pasangan Thai itu pada satu jamuan malam di Sri Perdana malam tadi.

-- BERNAMA

MAM RON